

15/10/2003

Murid memanfaatkan pameran

KUALA LUMPUR: Pameran foto `Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan' terus mendapat sambutan menggalakkan walaupun sudah sembilan hari diadakan.

Tinjauan Berita Harian semalam mendapati, orang ramai khususnya pelajar sekolah mengisi setiap ruang pameran di Balai Seni Lukis Negara untuk melihat pelbagai koleksi gambar Perdana Menteri.

Kira-kira 100 murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Naam Kheong, Cheras, bersesak di depan pintu masuk ke bahagian pameran walaupun ia hanya dibuka jam 10 pagi. Pameran itu diadakan sehingga 6 Disember.

Mereka ingin melihat sendiri pameran yang diadakan kerana mengandungi pendidikan mengenai sejarah dan pemimpin negara.

Pelajar kembar, Puteri Elina Sidek Mazlan dan Puteri Eliza, tujuh tahun, juga tidak ketinggalan mengunjungi pameran berkenaan untuk mendekati ketokohan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pasangan kembar itu yang datang bersama ibu dan adik mereka membuat catatan mengenai gambar Dr Mahathir sebagai bahan tugas sekolah mereka mengenai tokoh negara.

Sementara itu, pasangan suami isteri warga Singapura, Samsuri Kassim, 60, dan isterinya, Noorhaesan Mohd Asari, 50, menyifatkan pameran itu sebagai peluang untuk mengenali Dr Mahathir.

"Kami amat menyayangi Dr Mahathir kerana beliau adalah sumber inspirasi semua orang selain menjadi lambang kejayaan orang Melayu dan juga agama Islam," katanya.